

UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN AKHBAR

**IBADAH KORBAN GALAK KERJASAMA
KAKITANGAN PHARMANIAGA**

SHAH ALAM, 23 Ogos 2018 – Seramai 94 kakitangan Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) mengambil bahagian dalam ibadah korban yang menyediakan 14 ekor lembu dan dijalankan di ibu pejabatnya, hari ini.

Ibadah korban kakitangan syarikat ini dilaksanakan melalui Skim Potongan Gaji Ibadah Korban yang dibuat khusus bagi memudahkan lebih ramai kakitangan mengambil bahagian.

Aktiviti ini merupakan acara tahunan syarikat yang diadakan sempena menyambut Aidiladha dan memberi peluang kepada kakitangan Pharmaniaga untuk mengimarahkan ibadah ini di mana ianya Sunnah muakkadah', sebagai ibadah tambahan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW ketika baginda masih hidup.

Aktiviti kerohanian seperti ini juga dapat memberi peringatan kepada kakitangan Muslim mengenai peristiwa sempena sambutan ini. Ini sedikit sebanyak memberi pengisian serta ilmu kepada kakitangan Pharmaniaga untuk mengimbangi antara ilmu duniawi dan ilmu akhirat.

Pengarah Urusan Pharmaniaga, Dato' Farshila Emran berkata tahun ini, seramai 94 kakitangan mengambil bahagian yang melibatkan 14 ekor lembu, berbanding dengan 12 ekor lembu pada tahun lalu.

"Majlis ibadah korban ini kita adakan di ibu pejabat Pharmaniaga di Shah Alam dan dilaksanakan secara bergotong royong oleh seramai kira-kira 200 kakitangan syarikat sendiri daripada pelbagai jabatan.

"Program ini juga adalah salah satu kaedah syarikat melaksanakan aktiviti penglibatan kakitangan atau *employee engagement* yang menjadi salah satu teras pembangunan modal insan Pharmaniaga," katanya yang turut sama bergotong royong dengan kakitangan syarikat di majlis tersebut.

UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN AKHBAR

Pharmaniaga juga komited dalam membantu kakitangannya dengan meneruskan Skim Potongan Gaji Ibadah Korban bagi menggalakkan kakitangannya melaksanakan ibadah korban pada setiap tahun.

Skim yang telah diperkenalkan sejak enam tahun lalu ini membolehkan kakitangan, di semua peringkat mengambil bahagian dalam ibadah korban dengan pendaftaran baru dibuka sebaik sahaja selesai perayaan Hari Raya Aidiladha.

“Skim potongan gaji ini adalah cara yang paling mudah untuk mereka menyimpan wang dan Alhamdulillah, sambutan adalah sangat menggalakkan daripada kakitangan kami.

“Bilangan penyertaan kian bertambah saban tahun yang menunjukkan tahap kesedaran melaksanakan ibadah korban ini makin meningkat dan mereka menggunakan peluang yang disediakan oleh Syarikat dengan sepenuhnya.” katanya.

Farshila berkata daging-daging yang sudah siap melalui proses penyembelihan disedekahkan kepada rumah-rumah anak yatim dan juga fakir miskin yang dijemput sama ke majlis ini, manakala sebahagiannya dimasak untuk kakitangan yang mengambil bahagian dalam majlis itu.

Sebanyak tujuh buah rumah Anak-Anak Yatim serta 20 penerima Fakir Miskin sekitar Negeri Selangor mendapat faedah daripada majlis ini.

Pengagihan daging ini akan diberikan kepada rumah-rumah Anak-Anak Yatim seperti berikut :-

1. Pertubuhan Kebajikan Nur Hidayah
2. Rumah Kasih Harmoni
3. Pusat Jagaan Cahaya Kasih Bistari
4. Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim & Miskin Sungai Pinang
5. Rumah Jagaan Anak Yatim & Miskin Sri Kundang
6. Pusat Jagaan Nur Sakinah
7. Sekolah Al-Ikhlas Selayang

-Tamat-

UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN AKHBAR

MENGENAI PHARMANIAGA BERHAD

Pharmaniaga Berhad adalah ahli Kumpulan Boustead dan merupakan sebuah syarikat perkhidmatan kesihatan bersepadu yang terbesar di Malaysia. Tersenarai di Bursa Malaysia, teras perniagaan Kumpulan Pharmaniaga adalah pembuatan produk farmaseutikal generik dan peranti perubatan; penyelidikan dan pembangunan; pemasaran dan jualan; logistik dan pengedaran produk farmaseutikal; pembekal dan pemasangan peralatan perubatan; serta farmasi komuniti.

Dengan kekuatan dan kepakaran merentasi rantai perkhidmatan kesihatan, operasi perniagaan Kumpulan Pharmaniaga berkembang teguh di Malaysia dan meluaskan pasaran dengan membina tapak di Indonesia dan Vietnam, sekaligus mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai peneraju serantau dalam arena farmaseutikal antarabangsa.

Bersandarkan pada moto *Passion For Patients*, Pharmaniaga meletakkan kepentingan pelanggan sebagai keutamaan dalam setiap gerak kerja dengan memastikan setiap produk dihasilkan adalah selamat dan berkualiti tinggi, serta disokong oleh perkhidmatan yang cemerlang.

Dikeluarkan untuk Kumpulan Pharmaniaga oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Pharmaniaga Berhad. Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Dato' Zuhri Iskandar Kamarzaman di talian 03 3342 9999 sambungan 434 atau melalui emel zuhri@pharmaniaga.com